

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic Partners:



Lembaga Muzium Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat University, Thailand



Far Eastern University Philippines



Hanseo University Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com


Ainul Mardhiah Ahmad Fauzi Mohd Zamri Azizan

Korona -19



AINUL MARDHIAH AHMAD FAUZI
Korona-19

8in x 8in x 8in
Mixed Media
ainulmardhiah.agc@gmail.com



Arca secara umumnya adalah lebih mewakili kepada hasil seni berbentuk tiga dimensi (3D). Arca juga adalah merupakan interpretasi seni yang dizahirkan melibatkan ruang 360° agar nilai estetikanya dapat dihayati oleh pelbagai deria selain menyampaikan sesuatu mesej tertentu kepada pemerhati. Permukaan arca boleh disentuh dan arca boleh diapresiasi dari pelbagai sudut pandangan. Ianya juga terdapat dalam bentuk imitasi realistik atau bentuk mujarad. Kebanyakan arca adalah subjektif dalam bentuk yang fizikalnya yang kompleks dan adakalanya bersifat komersial yang tinggi dan sesuai dijadikan perhiasan rumah mahu pun premis-premis yang lain.

Koronavirus (Covid-19) merupakan isu yang sedang hangat diperkatakan pada masa kini. Isu global yang sedang berlaku di dunia amnya dan juga di Malaysia khususnya pada hari ini ialah penularan wabak virus Covid-19 yang sehingga kini masih belum reda dengan status terkini. Hal yang demikian berlaku akibat kurangnya kesedaran dan info yang tepat untuk pengetahuan di kalangan masyarakat. Isu ini menjadi bertambah parah disebabkan oleh sebilangan masyarakat yang tidak mengambil peduli dan kecaian terhadap aspek keselamatan yang telah digariskan oleh pihak berwajib setiap waktu dan ketika. Sikap segelintir mereka saling tak tumpah bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. Walaupun terdapat persetujuan dalam kalangan komuniti perubatan bahawa tiada penawar untuk Covid-19, kebimbangan tentang risiko daripada wabak ini dan skala cabaran kesihatan awam, telah menyebabkan peningkatan ketara di kalangan masyarakat untuk mencari maklumat mengenai apa yang patut dilakukan untuk melindungi diri serta mencegah jangkitan virus sehingga mengambil alternatif lain untuk mengelak dari dijangkiti tanpa diiktiraf dan merujuk kepada pihak berwajib terlebih dahulu akan kesan sampingan dan kemudaratanya selepas itu.

Walaupun dunia kini sedang menghadapi kesukaran sehingga tercetusnya fasa-fasa gelombang yang bertali arus dan masih belum menemui jalan penyelesaiannya namun terdapat sisi lain yang boleh dilihat pada struktur Covid-19 ini. Nilai estetika struktur Covid-19 yang unik

ini telah memberi ilham kepada pengkarya-pengkarya seluruh dunia untuk mencetus idea baru dalam penghasilan karya seni yang menjadi trend terkini dalam pendekatan masing-masing. Hal yang demikian juga telah memberi inspirasi kepada pengkarya untuk turut bereksperimentasi dengan mengadaptasi tema 'Covid-19' untuk penghasilan arca. Arca yang dihasilkan ini bersifat semi mujarad dengan pengaplikasian media baru sebagai wadah seni.


Untuk mentakrif bentuk kompleks Coronavirus dengan lebih terperinci, pengkarya telah menzahirkan struktur arca dengan bentuk yang lebih mudah untuk dinikmati pada setiap sisi agar pernyataan ekspresi diri akan lebih berkesan dengan penggunaan variasi saiz butang dan manik yang berbeza. Dengan variasi saiz butang yang berbeza ini ianya dapat menterjemahkan aspek fasa gelombang jangkitan yang dihasilkan oleh Coronavirus secara aktif. Penggunaan manik-manik tajam yang pelbagai pula dapat memberi satu kesan dramatik akan bahayanya virus ini walaupun nampak indah tetapi sarat dengan sifat melumpuhkan dan membunuh. Pemilihan dan olahan media baru ini sememangnya bertepatan dengan penyampaian pengkarya untuk memberi tafsiran dan menonjolkan kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berwaspada pada setiap aktiviti kehidupan. Stem yang terhasil dan meninggi dari permukaan arca secara tidak konsisten setiap satunya lebih memberi metafora terhadap kadar keaktifan pembiakan coronavirus di dalam sel-sel tubuh badan secara ekstrem. Penggunaan jarum peniti yang mempunyai pelbagai warna juga dapat memberi kesan tekstur ngeri akan bahayanya coronavirus ini dalam apa jua keadaan sekalipun.

Konklusinya, masyarakat perlulah berwaspada dan mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap diri sendiri dan orang lain demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan di antara satu sama lain terpelihara dalam mencegah penyakit coronavirus ini dari terus melenyapkan manusia di muka bumi ini.

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

